

30/01/1998

Baharui tekad berjimat selepas raya

SELAMAT Aidilfitri. Syukur kita kepada Allah selepas sebulan mengharungi Ramadan, umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia meraikan hari kemenangan melawan nafsu. Kita berdoa agar segala pengajaran dan pekerti terpilih sepanjang Ramadan lalu terus terpahat di hati setiap umat Islam supaya segala ciri mulia itu menjadikan kita insan yang lebih maju dan bertakwa.

Kesempatan ini juga perlu kita gunakan untuk bersyukur ke atas rahmat yang dilimpahkan oleh Allah kepada umat-Nya. Pada pagi ini umat Islam menunaikan sembahyang sunat hari raya sama ada di surau atau masjid indah. Di rumah Allah ini, kita melihat betapa umat Islam berkumpul memuji kebesaran Tuhan tanpa sebarang halangan. Berbeza dengan sesetengah negara di dunia, umat Islam menunaikan ibadat dalam ketakutan dan tertindas.

Di negara ini, secara tradisinya, hari raya adalah hari semua anggota keluarga berkampung. Suasana begini dirasakan di segenap pelosok negara ini. Kampung yang biasanya lengang menjadi sibuk dengan kenderaan di jalan raya yang boleh disifatkan sebagai lambang kemajuan dan pembangunan ekonomi dan sosial. Sudah menjadi amalan, setiap pagi hari raya umat Islam menziarahi pusara ahli keluarga dan sanak-saudara yang terlebih dulu meninggalkan dunia yang fana ini menyahut panggilan Ilahi. Umat Islam di Malaysia masih bertuah dapat menziarahi pusara sanak-saudara yang pergi dulu daripada kita. Kita insaf ada antara umat Islam yang tidak pernah mengenali pusara sanak-saudara mereka yang gugur dalam perjuangan menegakkan kebesaran bangsa dan agama.

Kesempatan berkumpul ini juga digunakan bagi bermesra dan memanjangkan silaturahmi. Dalam suasana meriah dan gembira tahun ini, kita melawat rakan-taulan dan saudara-mara di desa dan bandar. Kebetulan Tahun Baru Cina disambut beberapa hari lalu, umat Islam dan kaum lain saling mengunjung sebagai tanda kemesraan menghayati keamanan di kalangan penduduk berlainan agama serta adat resam di Malaysia.

Bagaimanapun, kita tumpang sedih dan melahirkan rasa simpati serta takziah kepada mereka yang kehilangan ahli keluarga dan sanak-saudara terutama dalam kemalangan jalan raya sepanjang menyambut musim perayaan berkembar kali ini. Walaupun semua itu adalah suratan takdir, kita kecewa dengan sikap kebanyakan pengguna jalan raya terutama penunggang motosikal dan pemandu kereta yang memandu secara berbahaya seolah-olah sengaja menempah maut.

Tahun ini walaupun Aidilfitri tetap meriah, kita masih dapat balik kampung dan menikmati pelbagai juadah, kita akui sambutan dan perbelanjaan untuk perayaan kali ini sangat sederhana. Kita terpaksa mengamalkan perbelanjaan berhemat berikutan kenaikan harga barangan akibat kegawatan ekonomi sekarang. Sewajarnya, selepas musim perayaan, kita meneruskan sikap ini dan berjimat meskipun sudah mula ternampak tanda pemulihan ekonomi ketika ini. Jika perlu berbelanja, biarlah untuk membeli barangan tempatan saja. Langkah ini tentu dapat merencanakan semula ekonomi dengan membolehkan pengeluaran ditingkatkan selain menjimatkan aliran keluar mata wang sekali gus mengukuhkan kembali nilai ringgit. Pada masa sama wang yang dijimatkan itu bolehlah disimpan dalam institusi kewangan tempatan yang tidak perlu diragui kekukuhan kedudukannya. Lagipun berjimat cermat semenangnya dituntut oleh Islam.

Sempena hari yang mulia ini, marilah kita mempertingkatkan azam dan usaha untuk bersama-sama mengatasi kepayahan ekonomi yang menghimpit rakyat kini. Sesungguhnya tiada yang lebih mulia dikurniakan kepada

manusia selain kemampuan yang cukup untuk berikhtiar. Dengan menggunakan minda yang sentiasa dibantu oleh pancaindera serta disokong oleh tenaga fizikalnya, rakyat Malaysia boleh mengatur pelbagai langkah dan tindakan demi memperbaiki ekonomi negara. Anugerah inilah yang membezakan manusia dengan makhluk lain. Seperti yang diminta oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semua kaum, kumpulan dan kesatuan di negara ini mesti merapatkan barisan bagi mempertahankan negara dalam menghadapi masalah ekonomi. Kita percaya hanya barisan rakyat yang bersatu padu saja dapat menjauhkan negara daripada sebarang usaha untuk menjajah semula negara ini terutama ekonomi kita. Anggaplah ini ada hikmat selain mencerminkan langkah bijak serta berani kerajaan berganding dengan rakyat menguruskan ekonomi negara. Walaupun apa yang kita rancang hanya satu ikhtiar tetapi lebih penting ialah komitmen semua ke arah pelaksanaannya. Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, walillahilham.

(END)